



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

TEMUDUGA TERBUKA

UNTUK JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
DI LEMBAGA PELABUHAN LABUAN
(Tempoh Kontrak – Empat (4) Bulan)

1. OPERATOR VTMIS

Bil. Kekosongan : **8**

Kadar Upah : RM 72.00 sehari

Syarat Permohonan :

- Warganegara Malaysia;
- Berumur 18 tahun ke atas;
- Memiliki Diploma Pengurusan Maritim dan yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Lulus subjek Bahasa Melayu dengan Kepujian di peringkat SPM;
- Lulus subjek Bahasa Inggeris/Matematik dengan Kepujian di peringkat SPM;
- Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- Diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Bidang Tugas :

- Mengoperasikan sistem *Vessel Traffic Management and Information System (VTMIS)* untuk memantau dan mengawal pergerakan kapal dalam had dan kawasan pelabuhan bagi memastikan navigasi kapal di dalam had dan kawasan pelabuhan selamat;
- Memantau, melapor dan merekodkan apa-apa insiden / kemalangan maritim dalam had pelabuhan untuk membolehkan pasukan / keselamatan kecemasan untuk bertindak balas dengan sewajarnya;

- Melaksanakan komunikasi yang efektif dengan *emergency response parties* bagi memastikan tindak balas dijalankan mengikut cara yang teratur dan berkesan.

2. PENYELIA OPERASI KARGO

Bil. Kekosongan : 1

Kadar Upah : RM 72.00 sehari

Syarat Permohonan :

- Warganegara Malaysia;
- Berumur 18 tahun ke atas;
- Memiliki Diploma Pengurusan Maritim dan setaraf yang berkaitan dan diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Lulus subjek Bahasa Melayu dengan Kepujian di peringkat SPM;
- Lulus subjek Bahasa Inggeris/Matematik dengan Kepujian di peringkat SPM;
- Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- Diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Bidang Tugas :

- Menyelia operasi loading / *discharging* untuk memastikan operasi pengendalian yang lancar, cekap dan selamat;
- Melaksanakan taklimat keselamatan dan menyelia penyelia *stevedore, stevedore*, kerani, tally, operator peralatan dan kerani eksport dan import dari segi disiplin, kualiti kerja, keselamatan dan produktiviti mematuhi piawaian Jabatan/Seksyen/Unit;
- Menyemak dan berhubung dengan *Vessel Chief Engineer/Chief Officer* mengenai kesesuaian peralatan / gear kargo / gear sokongan pada kapal / dermaga sebelum memulakan operasi untuk memastikan pematuhan prosedur keselamatan kapal.

3. PEMBANTU TADBIR

Bil. Kekosongan : **2**

Kadar Upah : RM 54.00 sehari

Syarat Permohonan :

- Warganegara Malaysia;
- Berumur 18 tahun ke atas;
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Lulus subjek Bahasa Melayu dengan Kepujian di peringkat SPM; dan
- Berpengetahuan dalam Microsoft Office (Words & Excel).
- Diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Bidang Tugas :

- Melaksanakan kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan pejabat serta arahan daripada pihak pengurusan dari semasa ke semasa.

4. PENGAWAL KESELAMATAN PELABUHAN

Bil. Kekosongan : **16**

Kadar Upah : RM 54.00 sehari

Syarat Permohonan :

- Warganegara Malaysia;
- Berumur 18 tahun ke atas;
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Lulus subjek Bahasa Melayu dengan Kepujian di peringkat SPM;
- Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- Diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Bidang Tugas :

- Membantu mengurus, melaksana dan menguatkuasakan undang-undang dan mengekalkan keamanan dan keselamatan operasi pelabuhan;

- Membantu memelihara dan mengekalkan keselamatan nyawa dan harta benda milik Lembaga Pelabuhan Labuan serta menjamin sekuriti perairan pelabuhan.

SILA BAWA BERSAMA :

1. Kad Pengenalan (Asal & Salinan);
2. Sijil Pelajaran Malaysia (Asal & Salinan);
3. Sijil Diploma Berkaitan (Asal & Salinan);
4. Gambar Berukuran Passport – 1 Keping (Tidak akan dikembalikan);
5. Laporan Perubatan daripada Pengamal Perubatan yang berdaftar (Asal & Salinan).

TARIKH DAN TEMPAT TEMUDUGA

TARIKH : 15 MEI 2017 (ISNIN)

TEMPAT : HOTEL GRAND DORSETT LABUAN
62, JLN MERDEKA, FINANCIAL PARK, 87029 LABUAN F.T

MASA : 0830 PAGI – 1730 PETANG

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI :

Cik Haslinda Mohamad Suib

Telefon : 086-232809

Emel : haslinda@bpa.gov.my

Puan Zulaikha Liman

Telefon : 086-232833

Emel : zulaikha@bpa.gov.my

Encik Mohamad Nizam Ahamad

Telefon : 086-232888

Emel : nizam@bpa.gov.my